

# Musa yakin Komanwel tetap beri faedah...

**KUALA LUMPUR, Khamis.**—Datuk Musa Hitam hari ini menegaskan, soal mengkaji semula keanggotaan Malaysia di dalam Komanwel tidak timbul kerana Kerajaan yakin pertubuhan itu berpotensi besar ke arah mewujudkan kerjasama antarabangsa.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, Kerajaan juga berkeyakinan bahawa Komanwel dapat terus memberi sumbangan penting terhadap dialog utara-selatan, yang bertujuan mewujudkan peraturan ekonomi baru dunia.

Menjawab soalan tambahan anggota (BN-Panti), Datuk Haji Yusoff Malim Kuning semasa soal-jawab, beliau berkata, persidangan ketua-ketua Kerajaan Komanwel yang baru selesai di Melbourne membuktikan Malaysia mendapat faedah tertentu dengan menghadirinya.

Penyokong Kerajaan itu bertanya, sama ada Kerajaan bercadang mengkaji semula keanggotannya dalam Komanwel atas alasan bahawa "Pertubuhan itu lebih banyak mendatangkan kerugian daripada keuntungan kepada Malaysia."

Laporan Dewan Rakyat oleh  
Ruhanie Haji Ahmad dan  
Bustamam Ahmad

Kepada pertanyaan Haji Ikhwan Nasir (BN-Pontian) Datuk Musa menjelaskan Kerajaan akan terus menggunakan forum Komanwel dalam usaha "Mengurangkan rasa tidak puas hati kita" termasuk isu mengenai yuran pelajaran tinggi yang dikenakan oleh Kerajaan British terhadap pelajar asing.

"Kerajaan telah beberapa kali menyuarakan masalah yuran pelajar ini kepada Kerajaan British. Kita juga sedar bahawa Kerajaan British lebih mengutamakan negara-negara Kesatuan Ekonomi Eropah (EEC) dalam perkara ini.

"Oleh itu, melalui keanggotaan kita dalam Komanwel, Kerajaan percaya kita boleh mempengaruhi negara berkenaan supaya meneliti perkara ini," jelasnya.

Haji Ikhwan ingin tahu sama ada Kerajaan sedar bahawa Kerajaan British lebih mengutamakan negara bukan Komanwel terutama EEC dalam melaksanakan sesuatu peraturan khususnya berhubung dengan yuran pelajar asing di United Kingdom.

Menjawab soalan lain dari Encik Chan Teck Chan (BN-Kota Melaka), Timbalan Perdana Menteri menegaskan motif sebenar setengah pihak menimbulkan isu ketidakhadiran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam persidangan pemimpin Komanwel di Melbourne baru-baru ini hanya "boleh dijawab oleh parti-parti yang selalu menyalahkan dasar Kerajaan."

"Motif sebenar mengenai perkara ini hanya boleh ditentukan oleh parti-parti yang selalu menyalahkan dasar Kerajaan," katanya di sambut dengan tepukan gemuruh penyokong Kerajaan.

Kepada soalan lain dari anggota DAP Petaling, Encik Lim Kit Slang, Datuk Musa berkata, beliau tidak dapat mewakili Perdana Menteri di dalam persidangan di Melbourne kerana "ingin mengutamakan tugas-tugas dalam negeri."

"Saya pergi ke Paris untuk mempastikan Menteri Pelajaran, Datuk Dr. Sulaiman Daud dipilih menggantikan saya sebagai Ahli Lembaga Pengarah UNESCO," katanya.

Encik Lim bertanya, kenapa Datuk Musa tidak dapat mewakili Perdana Menteri dalam mesyuarat di Melbourne sedangkan beliau dapat pergi ke Paris untuk menghadiri sidang UNESCO.

Kepada soalan asal anggota PAS Kota Setar, Datuk Haji Abu Bakar Umar, Timbalan Perdana Menteri berkata, keputusan Perdana Menteri untuk tidak menghadiri persidangan pemimpin Komanwel di Melbourne adalah kerana "tugas-tugas dalam negeri yang seharusnya diberi keutamaan."

"Sepanjang keahlian kita di dalam Komanwel, keputusan ini tidak menunjukkan satu perubahan dasar yang baru. Kita akan terus menghormati pertubuhan Komanwel kerana ia mempunyai manfaat tertentu.

Kerajaan, katanya berpendapat Komanwel dapat terus memberi sumbangan ke arah mewujudkan sistem ekonomi antarabangsa yang adil.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia